

MENZZA CREAM

Methyl Salicylate / Menthol (25% w/w / 5% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Menzza Cream
2. Bagaimana Menzza Cream berfungsi?
3. Sebelum mengambil Menzza Cream
4. Cara menggunakan Menzza Cream
5. Semasa menggunakan Menzza Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Menzza Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang Menzza Cream. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Menzza Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemesyikilan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

Simpan risalah ini bersama ubat.
Anda mungkin perlu membacanya lagi.

Apakah kegunaan Menzza Cream

Menzza Cream digunakan untuk melegakan sakit-sakit sendi dan otot, terseluh dan tergeliat dan juga sakit yang dikaitkan dengan reumatisma dan artritis. Menzza Cream adalah juga sesuai untuk memberikan keleaan sementara untuk sakit otot dan tulang.

Bagaimana Menzza Cream berfungsi

Menzza Cream mengandungi bahan-bahan aktif Methyl Salicylate dan Menthol. Setiap gram mengandungi 250mg Methyl Salicylate dan 50mg Menthol.

Methyl Salicylate digunakan untuk mengurangkan kesakitan dan keradangan.

Apabila Menthol disapu pada kulit, saluran darah akan dibersarkan menyebabkan satu sensasi kesejukan diikuti oleh satu kesan analgesia. Ia juga bertindak sebagai penambah penembusan, meningkatkan penembusan ubat apabila digunakan pada kulit, memberikan tindakan permulaan yang lebih cepat.

Tanya ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang ubat ini.

Sebelum menggunakan Menzza Cream

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Menzza Cream sekiranya:

- Anda alah (hipersensitif) kepada Methyl Salicylate, Menthol atau kepada apa-apa bahan lain di dalam ubat ini.
- Anda mengalami kulit yang sensitif dan dermatitis sentuhan.
- Pesakit yang mengambil warfarin mungkin berisiko mengalami pendarahan jika diaplikasi untuk sengal otot atau sendi secara berlebihan pada kulit.

- Sebelum mula menggunakan

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda mengalami kulit yang sensitif dan dermatitis sentuhan.
- Jika anda mengambil wafarin.

Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tiada rekod menunjukkan ubat ini selamat digunakan semasa kehamilan dan laktasi (penyusuan).
- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang semua ubat-ubatan yang lain dan produk kulit yang anda gunakan, termasuk ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi, vitamin, makanan tambahan herba, dan kosmetik. Tiada interaksi ubat dengan Menzza Cream yang diketahui yang telah dilaporkan.

Cara menggunakan Menzza Cream

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan sedikit Menzza Cream pada kawasan yang sakit sehingga menyerap ke dalam kulit. Ulangi 2-3 kali sehari. Tidak perlu menggosok dengan kuat.

- Bila perlu digunakan

Menzza Cream digunakan untuk melegakan sakit-sakit sendi dan otot, terkehel dan tergeliat dan juga sakit yang dikaitkan dengan reumatisma dan artritis.

- Berapa lama perlu digunakan

Ubat ini digunakan selamanya mengalami sakit-sakit sendi dan otot, terkehel dan tergeliat dan juga sakit yang dikaitkan dengan reumatisma dan artritis.

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya gejala-gejala anda berterusan, atau sekiranya anda mengalami hipersensitif kulit.

- Jika terlupa menggunakan

Sapukan krim ini dengan segera dan kemudian terus rawatan anda seperti biasa.

- Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Pesakit yang mengambil warfarin mungkin berisiko mengalami pendarahan jika diaplikasi untuk sengal otot atau sendi secara berlebihan pada kulit.

Jika anda mengambil terlalu banyak ubat ini, rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda. Bawa sebarang baki ubat bersama anda.

Semasa menggunakan Menzza Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda bersedia untuk memulakan pengambilan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang mengambil Menzza Cream.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Persediaan ini tidak sewajarnya digunakan pada bayi dan dikontraindikasikan pada mereka yang menunjukkan hipersensitiviti terhadap sebarang komponen dalam formulasi ini.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luaran sahaja. Jangan sapu pada luka atau dekat mata. Jauhkan daripada kanak-kanak.

Kesan-sesan sampingan

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil Menzza

Cream berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Menzza Cream boleh mendatangkan kesan sampingan yang tidak diingini pada segelintir orang. Semua ubat boleh mendatangkan kesan sampingan. Kadang kala ia serius, walau bagaimanapun, kebiasaannya ia tidak serius.

Kesan sampingan berkemungkinan yang berkaitan dengan rawatan jarang dilaporkan: kulit yang sensitif.

Hentikan pengambilan ubat ini sekiranya anda mengalami: kulit yang sensitif.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini, walaupun yang tidak dinyatakan di dalam risalah ini, maklumkan doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety.)

Cara penyimpanan dan pelupusan Menzza Cream

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Simpan di tempat kering dan sejuk serta terlindung daripada cahaya. Pastikan simpanan bekas betul-betul ditutup. Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

- Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna Menzza Cream

Menzza Cream ialah krim yang berwarna putih yang mempunyai bau mentol dan tidak akan meninggalkan tanda atau kesan minyak pada pakaian.

Menzza Cream boleh didapati dalam 450g, 15g, 25g dan 50g.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:
Ia mengandungi Methyl Salicylate 25.0% w/w dan Menthol 5.0% w/w.

Bahan-bahan tidak aktif:

Air tulin, PEG-20 Stearate (dan) Cetearyl Alcohol (Polawax GP200), Liquid Paraffin, Wool Fat, Methyl Paraben, Propyl Paraben.

- Nombor MAL: MAL19911472X

Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,
Bandar Sultan Suleiman,
42000 Port Klang, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/06/2017

Nombor Siri

BPFK(R4/1)21062017/00141